



E-BULETIN ACIS

MENGGAPAI ANGKASA, MEREALISASI CITA-CITA

Kembali selepas daripada naskhah terakhir, E-Buletin ACIS edisi keempat MAC 2024 menampilkan tema 'menggapai angkasa, merealisasi cita cita'. Selari dengan matlamat mendokong wawasan UiTM ke arah *Globally Renowned University* menjelang 2025, ACIS komited dalam meningkatkan *visibility* fakulti ke persada antarabangsa. Beberapa siri projek memperkukuh hubungan baik bersama organisasi di peringkat antarabangsa telah dijalankan antaranya bersama kedutaan Arab Saudi, Qatar, Jordan, Kuwait dan rakan strategik sekitar Thailand, Indonesia, Brunei dan Jepun. Edisi kali ini juga merangkumkan dua tahun pentadbiran YBhg. Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani sebagai dekan ACIS.

MENARIK EDISI KEEMPAT:

MISI PENGANTARABANGSAAN ACIS:
ARAB SAUDI, QATAR, JORDAN, KUWAIT, IRAQ,
JEPUN, INDONESIA, BRUNEI & THAILAND

SEMINAR ANTARABANGSA
ICIS, ISPS & IPCIS

MEMPERKASA
ENTITI
KECEMERLANGAN

MOU &
MOA

ACIS &
KOMUNITI





AMANAT DEKAN 2024

[8 Mac 2024] - Majlis Amanat Dekan ACIS 2024 telah berlangsung di Dewan Mukhtar 2, Masjid al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin UiTM Shah Alam sekitar jam 9 pagi. Program yang turut dipancarkan secara langsung menerusi platform Facebook Live ACIS ini turut mencecah 1300 capaian secara maya - meliputi ACIS daripada kampus kampus UiTM Cawangan.

Menerusi Amanatnya, YBhg. Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani (Dekan ACIS) telah mengangkat tema 'sinergi dan ukhuwwah memacu kecemerlangan ACIS'. Di dalam bait permulaan amanatnya, YBhg Prof Dekan telah menekankan peri pentingnya semangat kebersamaan dan kasih sayang bagi memacu semangat keserakanan dan kerjasama yang utuh untuk membina ACIS yang lebih gemilang pada masa hadapan.

5 fokus bagi pencapaian ACIS 2024 dirangkumkan dalam perkara berikut:

1. Memperkasakan kebersamaan dan keserakanan warga ACIS bagi memperkukuhkan rasa kebertanggungjawaban untuk mewajahkan ACIS sebagai fakulti cemerlang.
2. Mengupaya kemenjadian sahsiah dan pemantapan karakteristik kepimpinan staf dan pelajar secara holistik agar ACIS terus relevan pada masa kini dan akan datang.
3. Memastikan setiap tugas yang diberikan dilaksanakan dengan penuh amanah dan tanggungjawab untuk fakulti, UiTM, dan ummah selaras dengan motto usaha, taqwa, mulia.
4. Menterjemahkan keadilan, kebajikan dan indeks kebahagiaan (happiness index) sebagai keutamaan dalam setiap gerak kerja yang dirancang.
5. Menjamin pelan strategik yang dirancang mampu untuk mencapai target 10 lonjakan teratas tahun 2024

Sesuai dengan harapan dan doa yang diletakkan, YBhg. Prof Dekan amat berharap 2024 menjadi satu lonjakan bukan sahaja daripada sudut pencapaian ACIS, malah kepada ukhuwwah dan semangat keserakanan yang lebih kukuh sebagai tunjang kepada pencapaian bersama. Semoga impian 94% skor 2024 ACIS menjadi kenyataan dengan dokongan penuh seluruh warga ACIS dalam seluruh sistem UiTM. Setiap daripada warga ACIS adalah penting dan setiap daripada warga ACIS merupakan penyumbang utama kepada apa yang bakal terhasil menjelang penghujung 2024 nanti. Insyaallah.



اُنِيُوْزْ سَيِّتِيْ تَاكُوْ لُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA



<https://acis.uitm.edu.my>



korporatacis@uitm.edu.my



+603- 5544 2650



[acis.uitm](#) 



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.